



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 9 TAHUN 1989

**PENYELARASAN GAJI BAGI PEGAWAI-PEGAWAI YANG TIDAK
MEMILIHTERIMA TAWARAN GAJI JAWATANKUASA KABINET 1976**

1. TUJUAN

1.1 Tujuan Pekeliling ini ialah untuk memaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju supaya Pegawai-pegawai Awam yang tidak memilihtherima tanggagaji Jawatankuasa Kabinet 1976, dibenarkan mendapat penyelarasan gaji mulai 1 Januari 1990.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet telah dilaksanakan pada 1 Julai 1977 bagi Semenanjung Malaysia dan 1 Julai 1978 bagi Sabah dan Sarawak. Pelaksanaan gaji Jawatankuasa Kabinet adalah menerusi opsyen yang mengandungi pilihan-pilihan sama ada memilihtherima perubahan gaji dan syarat-syarat perkhidmatan Jawatankuasa Kabinet ataupun kekal atas skim gaji yang lama.

2.2 Segolongan pegawai telah didapati tidak memilihtherima tanggagaji dan syarat-syarat perkhidmatan Laporan Jawatankuasa Kabinet dan mengikut dasar Laporan itu, kedudukan mereka hendaklah kekal atas tanggagaji lama dan tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatan lama.

2.3 Rayuan telah diterima daripada pegawai-pegawai berkenaan supaya dipertimbangkan semula untuk diletakkan di atas tanggagaji Jawatankuasa Kabinet Gaji kerana mereka telah jauh ketinggalan dari segi pendapatan berbanding dengan rakan-rakan sejawat mereka yang telah memilihtherima tanggagaji Jawatankuasa Kabinet dan seterusnya telah menikmati beberapa semakan gaji yang telah berlaku sejak 1977.

2.4 Untuk mengurangkan perbezaan pendapatan yang wujud dan mencerminkan prinsip "kadar upah mengikut kerja", keputusan telah dibuat supaya Pegawai-pegawai Awam yang tidak memilihtherima tanggagaji Jawatankuasa Kabinet 1976 dibenarkan mendapat penyelarasan gaji mulai 1 Januari 1990.

3. PEMINDAHAN

3.1 Pegawai tetap yang dilantik sebelum 1 Julai 1977 di Semenanjung Malaysia dan 1 Julai 1978 di Sabah dan Sarawak yang tidak memilihterima tawaran gaji Jawatankuasa Kabinet boleh dibenarkan penyelarasan gaji kepada tanggagaji bersih baru selepas kuatkuasa opsyen.

3.2 Berikutan dengan penyelarasan gaji, mulai 1 Januari 1990, bayaran bonus dan elaun bantuan khas adalah dengan ini ditarik balik.

4. BORANG OPSYEN, SIFIR PEMINDAHAN GAJI DAN TARIKH KENAIKAN GAJI

4.1 Borang opsyen, sifir pemindahan gaji dan tarikh kenaikan gaji akan dibekalkan sebaik sahaja Jabatan ini menerima butir-butir lanjut mengenai pegawai-pegawai yang tidak memilihterima tanggagaji Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976 daripada Ketua Jabatan seperti berikut:

- 4.1.1 nama pegawai
- 4.1.2 nombor kad pengenalan
- 4.1.3 nama jawatan (termasuk gred)
- 4.1.4 nama jabatan/cawangan
- 4.1.5 tanggagaji semasa Suffian/Aziz/Harun
- 4.1.6 matagaji pada 1 Januari 1990
- 4.1.7 tarikh kenaikan gaji
- 4.1.8 tarikh bersara

4.2. Ketua-ketua Jabatan adalah diberi tempoh dua bulan dari tarikh Pekeliling ini untuk mengemukakan maklumat seperti dikehendaki di perenggan 4.1 kepada Bahagian Gaji dan Elaun Jabatan ini.

5. PEGAWAI YANG TIDAK SETUJUTERIMA OPSYEN BARU

5.1 Pegawai yang memilih untuk terus kekal di dalam tanggagaji dan syarat-syarat perkhidmatan sekarang akan dibenarkan berkhidmat terus atas skim perkhidmatan, skim pencen dan syarat-syarat dan kemudahan-kemudahan lain dan keistimewaan yang berkuatkuasa sekarang. Walau bagaimanapun pegawai itu boleh juga dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat dengan syarat apabila dinaikkan pangkat ia dengan sendirinya tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatan baru di bawah Pekeliling ini mulai dari tarikh kenaikan pangkat.

6. PILIHAN SENDIRI

6.1 Pegawai tetap yang dilantik sebelum 1 Julai 1977 di Semenanjung Malaysia dan 1 Julai 1978 di Sabah dan Sarawak dan tidak memilihterima tawaran gaji Jawatankuasa Kabinet 1976 dan yang masih berkhidmat sebelum tarikh keluarnya Pekeliling Perkhidmatan ini boleh diberi opsyen sama ada:

- 6.1.1 terus kekal di dalam tanggagaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang dinikmati sekarang;
- atau
- 6.1.2 menerima tanggagaji bersih baru dan syarat-syarat perkhidmatan baru mengikut Pekeliling ini.

6.2 Opsyen ini tidak akan diberi kepada mereka seperti berikut:

- 6.2.1 pegawai-pegawai tetap yang telah meletakkan jawatan atau meninggalkan perkhidmatan atas sebarang sebab atau dibuang kerja atas sebab tindakan tatatertib pada atau selepas daripada 1 Januari 1990;
- 6.2.2 pegawai-pegawai tetap yang ditahan kerja atau digantung kerja; dan
- 6.2.3 pegawai-pegawai tetap yang ke atas mereka telah dibuat suatu perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau deportasi atau suatu bentuk sekatan atau pengawasan dengan bon atau selainya di mana-mana undang-undang berkaitan dengan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, pencegahan jenayah, tahanan pencegahan, kediaman terhad, buang negeri, imigeresen atau perlindungan bagi wanita dan gadis;

6.3 Bagi pegawai-pegawai tetap yang tersebut di perenggan 6.2.2 dan 6.2.3 di atas, opsyen boleh diberi kepada mereka apabila keputusan tindakan tatatertib telah dibuat terhadap mereka kelak dengan syarat keputusannya tidak melibatkan mereka itu dibuang kerja.

6.4 Pilihan sendiri hendaklah dibuat dalam tempoh 3 bulan daripada 1 Januari 1990.

6.5 Pegawai-pegawai tetap yang meninggal dunia atau telah bersara dalam tempoh kuatkuasa opsyen tanpa membuat opsyen akan dianggap sebagai menerima tanggungaji bersih baru dan syarat-syarat perkhidmatan serta faedah-faedah persaraan yang baru di bawah Pekeliling ini. Ketua-ketua Jabatan adalah bertanggungjawab mengemukakan maklumat mengenai golongan pegawai-pegawai tersebut kepada Bahagian Pencen Jabatan ini untuk tujuan penyelarasan pencen mereka.

6.6 Pegawai yang tidak membuat pilihan sendiri dalam tempoh yang ditentukan itu akan disifatkan sebagai telah menolak tanggungaji baru dan syarat-syarat perkhidmatan serta faedah-faedah persaraan yang baru di bawah Pekeliling ini dan disifatkan sebagai membuat pilihannya untuk terus menerima tanggungaji dan syarat-syarat perkhidmatan serta Skim Pencen yang dinikmatinya sekarang.

6.7 Syarat-syarat opsyen adalah seperti berikut:

- (a) opsyen yang telah dibuat oleh seseorang pegawai tetap itu tidak boleh dipinda atau dibatalkan;
- (b) opsyen itu hendaklah dibuat dengan terus terang. Sekiranya seseorang pegawai tetap membuat opsyen dengan bantahan atau dengan bersyarat atau sebagainya, ia akan disifatkan sebagai telah menolak tanggungaji bersih baru dan syarat-syarat perkhidmatan serta faedah-faedah persaraan baru di bawah Pekeliling ini; dan
- (c) opsyen yang ditawarkan kepada seseorang pegawai tetap itu adalah berdasarkan kepada butir-butir seperti gaji pokok, elaun-elaun dan bonus seperti yang terdapat pada tarikh yang ditetapkan di dalam borang tawaran tersebut. Dalam keadaan di mana terdapat pemberian butir-butir yang salah yang menyebabkan tawaran yang salah telah diberikan, maka tawaran tersebut adalah dianggap salah dan tidak sah dan satu tawaran baru akan dikeluarkan.

7. PEMAKAIAN

7.1 Peruntukan dalam Pekeliling ini juga dipanjangkan kepada Perkhidmatan Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan.

8. SYARAT-SYARAT BARU PERKHIDMATAN

8.1 Pegawai-pegawai yang memilihterima tawaran gaji mengikut Pekeliling ini adalah dengan ini tertakluk kepada peraturan-peraturan, Pekeliling-pekelling, Surat-surat Pekeliling serta lain-lain perintah atau peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

9. AM

9.1 Ketua-ketua Jabatan/Agensi adalah diminta supaya menghubungi Bahagian Gaji dan Elaun Jabatan ini sekiranya timbul sebarang keraguan semasa melaksanakan perbekalan Pekeliling Perkhidmatan ini.



(TAN SRI DATO' ALWI JANTAN)
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

22 November 1989.

s.k.

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian.

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan.

Y. B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri.

Ketua-ketua Pengurusan Badan-badan Berkanun.

Ketua-ketua Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan.